



PUSAT KECEMERLANGAN INDUSTRI

Industry Centre of Excellence (ICoE)

empur Oleh
led din
ri Pe aggi



UTeM jayakan Agenda KPT *dalam Pelaksanaan* PUSAT KECEMERLANGAN INDUSTRI

8 Disember : Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) sekali lagi berjaya melakar sejarah dalam kalangan Institut Pengajian Tinggi Negara apabila telah dipilih sebagai Industry Centre of Excellence (ICoE) atau Pusat Kecemerlangan Industri pada majlis perasmiannya baru-baru ini.

Majlis tersebut yang diadakan di salah sebuah hotel terkemuka di Putrajaya telah dirasmikan oleh Dato' Dr. Hou Kok Chung yang merupakan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia.

Sehungan dengan itu, program tersebut turut melibatkan kerjasama daripada 4 buah syarikat utama iaitu SAPURA Industrial Berhad, MIYAZU Malaysia Sdn Bhd, INFINEON Technologies Malaysia Sdn Bhd dan INFINEON Technologies (Kulim) Sdn Bhd. Selain daripada UTeM, universiti lain yang turut dipilih dalam menjayakan pelaksanaan ICoE adalah Universiti Malaysia Pahang (UMP) serta Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Menurut Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan penubuhan ICoE ini adalah sejajar dengan aspirasi KPT dalam memacu IPT agar terus berdaya saing dalam bidang akademik, penyelidikan dan sumber manusia sama ada dalam negara mahupun di persada global.

Pelaksanaan ini dijalankan dengan jayanya melalui kerjasama erat antara pihak universiti dan industri serta disokong oleh jaringan rantaian pembekal industri seterusnya akan menampakkan hasil yang mampan serta memberi impak besar terhadap bidang penyelidikan dalam negara kita.

Selaras dengan itu, ICoE yang sedang dibangunkan pada masa ini bersama UTeM adalah Pembangunan Teknologi Pembungkusan dan Kejuruteraan Aplikasi untuk Proses Hiliran bersama Infineon Technologies Melaka.

Selain itu, menerusi hubungan mantap universiti dan industri ini maka ianya turut membuahkan hasil penyelidikan dan pembangunan modal insan yang berimpak tinggi serta memenuhi keperluan dan permintaan pasaran industri semasa.

Dengan adanya Pelaksanaan Pusat Kecemerlangan Industri ini diharap dapat meningkatkan lagi hubungan baik serta kerjasama berterusan antara industri dan universiti.

Kerjasama sebegini juga turut menjadi model bagi kerjasama lain, bagi masa akan datang dan senario ini juga turut menjadi elemen dalam merangsang pemacuan ekonomi negara ke arah negara berpendapatan tinggi menerusi sektor perindustrian berteknologi tinggi.



BERITA
MELESTARI INFORMASI KOMUNITI BERINOVASI
DISEMBER 2011

KANDUNGAN

UTeM Jayakan Agenda KPT Dalam Pelaksanaan Pusat Kecemerlangan Industri | Institut Teknologi Surabaya Lawat Kemudahan Kampus Induk | KPT Salur Dana RM 20 Juta Pacu Keupayaan COE Berpotensi | UTeM Anjur Persidangan 'National Conference on Active Learning' | Taklimat Knowledge Transfer Programme (KTP) | UTeM IPTA Terawal Miliki Proton Inspira & Pesona Sokong Industri Automotif Negara | Tenaga Pengajar FTK Kongsi Petua Mencapai Kejayaan Akademik | Ketua Menteri Melaka Luangkan Masa Berbasikal Bersama Mahasiswa UTeM | FKM Ungguli Kejohanan Amphibious Electric Vehicle (AEV 2011) Peringkat Kebangsaan | Kor SUKISIS Jalani Latihan Menembak Bentuk Jati Diri Mahasiswa Berani | FKM Johan Keseluruhan Sukan Antara Fakulti 2011 | BADAR Anjur Kem Kembara Iman Bentuk Jati Diri, Kepimpinan & Semangat Kerja Berpasukan | Jawatankuasa Portal Web Diraikan Pengurusan Tertinggi Universiti | UniMAP Adakan Lawatan ke Fakulti Teknologi Kejuruteraan | Sambutan Maal Hijrah 1433H Peringkat Universiti Disambut Dengan Majlis Ilmu | Majlis Jasamu Dikenang Rai Pesara UTeM | Program PINTAR Suntik Semangat Transformasi Warga FKEKK | Kematian | Personaliti Pilihan | Fun Bowl UTeM Bersama Media 2011 | Majlis Malam Mesra UTeM Bersama Media 2011 Hargai Sumbangan Pengamal Media

ISSN 1985 - 4706



9 771985 470003



Editor BERITA@UTeM

KETUA EDITOR :

Fazidah Binti Ithnin

WARTAWAN :

Mohd Khairulhusaini Bin Mohd Saad
Bob Faizeli Bin Mohamed Din

REKA BENTUK GRAFIK :

Aziza Binti Md Buang
Shahril Hazizi Bin Abu Bakar
Norhayati Binti Yaacob
Zaffaruddin Bin Hamzah

JURUFOTO :

Md. Nor Bin Mohamad Saleh
Nurulidayu Binti Talib
Mohd Farid Bin Supangi
Asri Bin Abu

PENGEDARAN :

Yang Sarinah Binti Mohd Talib
Mohammad Taufik Bin Osman



**INSTITUT TEKNOLOGI SURABAYA
lawat KEMUDAHAN KAMPUS INDUK**

9 Disember : Kampus Induk UTeM hari ini dikunjungi delegasi dari Institut Teknologi Surabaya (ITS) yang ingin meninjau dengan lebih dekat kemudahan makmal khususnya di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP).

Kunjungan ITS ke FKP disambut oleh Ketua Jabatan Pengurusan Pembuatan, Prof. Madya Dr. Adi Saptari yang kemudiannya membawa peserta lawatan melihat makmal-makmal berteknologi tinggi di FKP.

Seterusnya delegasi ITS yang terdiri daripada Ketua Jabatan dan pensyarah Jabatan Kejuruteraan Industri mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Dato' Prof. Dr. Mohd Nor Husain.

Ketika mengadakan perbincangan, delegasi ITS dan wakil FKP merangka langkah awal untuk meningkatkan kerjasama dua hala terutama sekali dalam mobiliti pelajar. Selain itu, program kerjasama lain dalam bidang kejuruteraan industri turut dibincangkan dan bakal diperhalusi dalam masa terdekat.



**KPT SALUR DANA RM 20 JUTA
PACU KEUPAYAAN
CoE BERPOTENSI**

16 Disember : Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) hari ini mengumumkan dana sebanyak RM 20 juta untuk disalurkan kepada Centre of Excellence (CoE) yang berpotensi. Perkara tersebut diumumkan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin ketika merasmikan Majlis Pelancaran Pusat Kecemerlangan (CoE) Berpotensi di Putrajaya.

Sebanyak tujuh CoE berpotensi telah dikenalpasti oleh KPT dan dana yang disediakan adalah untuk memacu keupayaan dalam bidang tujuh masing-masing. Jelas Datuk Seri Mohamed Khaled, pemberian dana secara one-off itu bertujuan mempergiatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) agar dapat menjadi rujukan nasional.

Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan hadir menerima mock cheque yang disampaikan oleh Datuk Seri Mohamed Khaled mewakili CoE Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN).



Apa pandangan anda mengenai BERITA@UTeM? Hantarkan pandangan / cadangan / sumbangan bahan anda melalui e-mail ke berita@utem.edu.my

Hak Cipta Terpelihara
Pejabat Perancangan Dan Komunikasi Korporat, Canselori Universiti Teknikal Malaysia Melaka Hang Tuah Jaya
76100 Durian Tunggal, Melaka
Tel : +606 331 6248 / 6249
Faks : +606 331 6247

NCAL 2011



Taklimat KNOWLEDGE TRANSFER PROGRAMME (KTP)

29 Disember : Pihak Sekretariat Knowledge Transfer Programme (KTP) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah membuka semula Skim Geran Fasa 2 KTP baru-baru ini. Justeru, bagi mempromosikan serta menggalakkan penyertaan ahli-ahli akademik UTeM, maka satu sesi taklimat telah dianjurkan oleh Pusat Jaringan Industri dan Masyarakat (ICNet).

Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Prof. Dr. Zakaria Abas dari Kementerian Pengajian Tinggi di Auditorium Bangunan Canselor. Jelas beliau, program KTP adalah bertujuan untuk mengiktiraf pemindahan ilmu melalui pertukaran idea yang kreatif dan inovatif, penemuan hasil penyelidikan, pengalaman dan kemahiran antara IPTA serta organisasi dan komuniti secara meluas.

Melalui program tersebut, pihak Kementerian Pengajian Tinggi menyediakan peruntukan di bawah Geran KTP antara universiti dengan industri dan universiti dengan komuniti untuk menjayakan program itu.



Co. Organizers
AKEPT HIGHER EDUCATION LEADERSHIP ACADEMY

MEIPTA



MAGNETIC

UTeM anjur Persidangan 'National Conference on Active Learning'

11 Disember : Kaedah "Active Learning" merupakan satu pendekatan yang perlu dipraktikkan dalam konsep pembelajaran bagi usaha meningkatkan lagi kualiti dan pencapaian bidang pendidikan dalam negara kita.

Dalam proses melebarkan lagi perbincangan dalam kaedah ini maka UTeM menerusi Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP) telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan *National Conference on Active Learning (NCAL 2011)*.

Persidangan tersebut menemukan beberapa tokoh ternama bidang pendidikan antaranya Prof. Tan Oon Seng dari Nanyang Technology University (NTU) Singapura, Pengerusi Majlis Ketua Penyelaras e-Pembelajaran IPTA, Prof. Dr. Mohamed Amin Embi serta Prof. Madya Dr. Faaizah Shahbodin dari UTeM.

Menurut Pengarah Program, Dr. Syed Najmuddin bin Syed Hassan berkata, objektif utama penganjuran persidangan ini adalah selaras dengan inisiatif membudayakan pembelajaran secara aktif di semua Institusi pengajian tinggi terutamanya di UTeM. Turut dibincangkan perkara berkaitan pedagogi, rekabentuk, penyampaian, pembelajaran secara elektronik (e-learning) serta isu-isu semasa dalam bidang pengajaran.

Tambah beliau lagi, seramai 180 peserta dan pembentang telah menyertai persidangan tersebut selama dua hari bagi merealisasikan matlamat institusi pengajian tinggi seperti UTeM untuk melaksanakan pengalaman pembelajaran yang unik dan pembelajaran berasaskan hasil (OBE).



UTeM IPTA Terawal *miliki* Proton Inspira & Persona Sokong Industri Automotif Negara



5 Disember : UTeM menjadi salah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang terawal memiliki Proton Inspira 2.0 Premium bagi menggantikan Proton Perdana V6 yang telah diberhentikan pengeluarannya oleh Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton).

Baru-baru ini satu majlis penyerahan kenderaan bersama replika kunci telah disempurnakan di Kampus Induk UTeM, Durian Tunggal oleh Azman Idris, Ketua Pegawai Operasi selaku wakil Ketua Pegawai Eksekutif EON kepada Profesor Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) yang mewakili Naib Canselor.

Menurut satu kenyataan yang dikeluarkan, perolehan kenderaan ini adalah dibuat selaras dengan arahan perbendaharaan berkaitan penggantian model Proton Perdana Standard dan Proton Perdana Executive bagi kegunaan Pegawai Utama dan Pegawai Kanan Universiti.

Perolehan 6 buah Proton Inspira beserta 8 buah Proton Persona 1.6L Elegance melalui Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON) adalah untuk menggantikan kenderaan-kenderaan universiti yang telah dilupuskan pada awal tahun 2011.

Taklimat teknikal ringkas telah disampaikan oleh wakil EON Melaka dan sesi pandu uji Proton Inspira di sekitar kawasan Kampus Induk juga turut diadakan.

Tenaga Pengajar FTK

Kongsi Petua

Mencapai Kejayaan Akademik

13 Disember : Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan program Hari Bersama Penasihat Akademik secara bersepadu melibatkan kesemua pelajar fakulti itu, baru-baru ini.

Menurut Timbalan Dekan (Akademik) FTK, Ahmad Zubir Ali berkata, program yang dianjurkan itu lebih berkonsepkan ramah mesra dan menyalurkan informasi berhubung perkara yang melibatkan urusan harian di kampus.

Tambahnya pula, melalui penasihat akademik, para pelajar akan dibimbing dalam aktiviti pembelajaran seperti pengiraan kredit/GPA/CGPA dan pengurusan perjalanan kuliah sebelum peperiksaan akhir bermula.

Turut hadir dalam majlis itu, Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Jaringan Industri) Rohana Abdullah, ketua-ketua jabatan serta 20 orang Penasihat Akademik yang terdiri daripada pensyarah FTK.

Pelajar juga turut diberikan penerangan konsep pembelajaran berasaskan Student Centered Learning (SCL) yang mencakupi kaedah Cooperative Learning (CL) dan Problem Based Learning (PBL) yang disampaikan oleh Ahmad Sayuthi Mohamad Shokri.

Menurut Dekan FTK, Prof. Madya Mohd Rahimi Yusoff berkata, "Melalui perjumpaan secara beramai-ramai dengan penasihat akademik, suasana pertemuan yang lebih santai dapat diwujudkan, perbincangan dapat dijalankan secara lebih terbuka seterusnya membina hubungan yang erat di antara para pelajar dengan penasihat akademik mereka" ujarnya.

Sehubungan itu katanya, sesi perjumpaan sebegini perlu diteruskan bukan sahaja melalui program yang dianjurkan fakulti tetapi dari masa ke semasa dalam usaha mengeratkan hubungan antara para pelajar dan penasihat akademik di fakulti itu.



FKM Ungguli Kejohanan Amphibious Electric Vehicle (AEV 2011) Peringkat Kebangsaan

3 Disember : Bertempat di Pusat Sains Negara, pasukan dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) mengungguli kejohanan Amphibious Electric Vehicle (AEV 2011) yang dianjurkan oleh Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Kejohanan yang dianjurkan menguji para pelajar institusi pengajian tinggi untuk menghasilkan model kenderaan yang dapat bergerak pantas di atas darat dan air. Pemenang ditentukan melalui catatan masa terpanjang dengan jarak 10 meter keseluruhannya merentasi 5 meter di atas darat dan kemudiannya memecut 5 meter di atas air.

Pasukan UTeM ZRT-JA yang terdiri daripada pelajar Jabatan Automotif FKM dinobatkan sebagai johan kebangsaan dengan catatan masa 7.59 saat. Kemenangan tersebut mengenyapkan cabaran 33 pasukan lain dari seluruh negara yang bertanding bagi merebut gelaran juara.



Ketua Menteri Melaka Luangkan Masa Berbasikal bersama Mahasiswa UTeM

18 Disember : Seramai 50 orang mahasiswa UTeM telah menyertai program Jom Kayuh bersama Ketua Menteri Melaka YAB Datuk Seri Mohd. Ali Mohd. Rustam. Program berbasikal itu bermula dari Pusat Persatuan Pelajar UTeM ke Seri Negeri, Ayer Keroh sejauh 12 kilometer.

Program anjuran Sekretariat Anak Melaka (SAM) UTeM dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) bertujuan bagi menggalakkan mahasiswa melibatkan diri dalam aktiviti sihat di samping dapat beramah mesra bersama pemimpin negeri Melaka.

Majlis pelepasan kayuhan berbasikal ini disempurnakan oleh Ketua Timbalan Pendaftar HEPA, Zainudin Ahmad. Menurut beliau, program ini akan diadakan secara tahunan bagi menggalakkan mahasiswa untuk terus berekreasi sepanjang masa bagi mewujudkan masyarakat yang sihat dan cergas.



Jalani Latihan Menembak Bentuk Jati Diri Mahasiswa Berani

17 Disember : Seramai 141 anggota Kor Sukarelawan Polis Siswa (SUKSIS) UTeM telah mengikuti latihan menembak yang diadakan di lapang sasaran Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka di Bukit Beruang.

Latihan tersebut melibatkan penggunaan senjata Colt M-16, pistol Smith & Wesson dan Revolver .38 serta dibimbing oleh anggota polis IPK Melaka dan jurulatih Kor SUKSIS UTeM.

Pada sesi latihan pertama, anggota Kor SUKSIS didedahkan dengan spesifikasi teknikal senjata, komponen-komponen utama, keupayaan senjata serta prosedur pengendalian senjata. Kemahiran menembak secara teori mengikut posisi tertentu ditunjukkan dengan terperinci bagi melancarkan perjalanan sesi kedua latihan.

Turut diberi perhatian khusus pada sesi tersebut ialah langkah-langkah keselamatan yang perlu dipatuhi oleh setiap anggota bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini.

Latihan seterusnya menumpukan kemahiran praktikal menembak Colt M-16 dan pistol Revolver di lapang sasaran. Kesempatan tersebut digunakan sepenuhnya oleh anggota SUKSIS UTeM untuk mempamerkan kemahiran yang dipelajari sebelumnya.



FKM Johan Keseluruhan Sukan Antara Fakulti 2011



4 Disember : Pasukan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) telah dinobatkan sebagai johan keseluruhan Sukan Antara Fakulti 2011 (SAF 2011) yang telah berlangsung di Kompleks Sukan UTeM baru-baru ini.

Menurut Ketua Pusat Sukan Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Ismail Abdol Jalil berkata, objektif utama acara tahunan ini diadakan adalah untuk mencungkil bakat-bakat baru bagi mewakili UTeM dalam pelbagai kejohanan seperti Liga IPT dan Sukan Majlis Sukan Universiti-Universiti Malaysia (MASUM).

Pada edisi kali ini pasukan FKM telah merangkul 10 emas, 6 perak dan 6 gangsa. Pingat emas telah dimenangi menerusi acara Softball lelaki, Ergo Machine lelaki dan wanita, Frisbee lelaki dan wanita, tarik tali lelaki, ragbi touch lelaki, ragbi 7 sebelah dan bola baling lelaki.

Naib johan keseluruhan pula dirangkul oleh Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) yang mendapat 6 emas, 4 perak dan 4 gangsa manakala tempat ketiga dimenangi oleh Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) yang memenangi 5 emas, 4 perak dan 5 gangsa.

BADAR anjur Kem Kembara Iman Bentuk Jati Diri, Kepimpinan & Semangat Kerja Berpasukan

28 Disember : Seramai 70 orang mahasiswa UTeM telah menyertai program Kem Kembara Iman di Kompleks Rakan Muda Jempol, Negeri Sembilan yang berakhir baru-baru ini.

Menurut Pengarah Program, Ahmad Syukry Ismail, program anjuran Badan Dakwah dan Rohani (BADAR) UTeM dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) bertujuan untuk memperkenalkan cara hidup yang berlandaskan syariah Islam terutamanya kepada mahasiswa baru agar tidak mengalami kejutan budaya setelah memasuki ke alam universiti.

Antara lain ianya juga bagi memupuk semangat kerjasama dalam kalangan mahasiswa melalui aktiviti yang akan dilaksanakan di samping untuk memberikan bimbingan dan panduan khususnya kepada para mahasiswa baru dalam pembentukan sahsiah pelajar.

Pelbagai program telah diatur antaranya ceramah mengenai pengenalan aqidah muslim, konsep ibadah dalam Islam, kembara seorang daie, latihan dalam kumpulan (LDK), kuliah lapangan, qiamullail, tazkirah, "treasure hunt" serta aktiviti riadah.



JAWATANKUASA PORTAL WEB *diraikan* PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI



19 Disember : Jawatankuasa penyelaras portal UTeM yang mencatat sejarah apabila meraih status lima bintang dalam laporan Penilaian Laman Web dan Portal Kerajaan Tahun 2011 diraikan dalam satu majlis ringkas.

Hadir meraikan ahli-ahli Jawatankuasa Pembangunan Portal UTeM ialah Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi serta Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman.

Dalam ucapannya Dr. Ahmad Yusoff melahirkan setinggi-tinggi penghargaan kerana kejayaan itu telah mengangkat nama universiti ini ke persada nasional dan secara tidak langsung berjaya mempromosikan UTeM melalui saluran elektronik dengan berkesan.

Melalui laporan yang dikeluarkan oleh Multimedia Development Corporation (MDeC) sebanyak 1,155 laman web dan portal kerajaan telah dinilai dengan memfokuskan elemen seperti kandungan, kebolehgunaan, keselamatan, penyertaan dan perkhidmatan. Portal UTeM mendahului senarai kategori universiti dengan meraih 95 markah.

Pada majlis itu, Pengarah Pusat Komputer Mohd Isa Mohd Dom telah menyerahkan sijil pengiktirafan MDeC yang diterimanya kepada Dr. Ahmad Yusoff. Manakala Dr. Ahmad Yusoff pula menyampaikan sijil penghargaan universiti kepada ahli-ahli jawatankuasa yang terlibat.



SAMBUTAN MAAL HIJRAH 1433H PERINGKAT UNIVERSITI *disambut dengan* MAJLIS ILMU

14 Disember : Pusat Islam UTeM telah menganjurkan Majlis Sambutan Maal Hijrah 1433H bertempat di Masjid Sayyidina Abu Bakar Kampus Induk. Majlis tersebut diadakan dalam suasana yang penuh meriah dengan sesi perkongsian ilmu yang menjadi teras sambutan pada tahun ini.

Sebanyak tiga sesi perkongsian ilmu telah diadakan dengan menampilkan tokoh-tokoh pendakwah yang membimbing para hadirin mengenai isu semasa antaranya Dr. Mohd Arif Nazri dari UKM, Prof. Madya Dato' Alim Setia Ahmad Jusoh dan Ustaz Mohd Rashidi Jamil.

Selain kehadiran warga UTeM ke majlis itu, turut hadir Pegawai-pegawai Syarak Daerah Melaka Tengah yang mengikuti sesi perkongsian ilmu yang dianjurkan. Tapak pameran Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) serta Jabatan Mufti Negeri Melaka turut memeriahkan sambutan dengan bahan-bahan pameran yang menarik.



UniMAP *adakan lawatan ke* Fakulti Teknologi Kejuruteraan

29 Disember : Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah mengadakan lawatan perkongsian kepakaran dan pengalaman ke Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) di Kampus Industri hari ini.

Lawatan itu disertai oleh seramai 30 orang kakitangan pusat tersebut yang ingin melihat dengan lebih dekat peranan Jurutera Pengajar dalam mengendalikan kursus berteraskan teknologi kejuruteraan.

Ketibaan kakitangan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan UniMAP di Kampus Industri telah disambut oleh pihak pengurusan FTK seterusnya diadakan taklimat mengenai latar belakang kampus serta fakulti.

Delegasi kemudiannya bertukar-tukar maklumat berkaitan fungsi Jurutera Pengajar sebelum di bawa melawat kemudahan yang terdapat di FTK.



Majlis Jasamu Dikenang Rai Pesara UTeM

12 Disember: Sebagai tanda penghargaan ke atas sumbangan dan perkhidmatan yang telah diberikan oleh staf, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Pejabat Pendaftar telah menganjurkan Majlis Jasamu Dikenang untuk meraikan pesara-pesara bertempat di Dewan Jamuan Auditorium, Canselor.

Majlis telah disempurnakan oleh Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan dan dihadiri oleh Pegawai Kanan Universiti serta pesara yang diraikan. Di majlis ini, pesara menerima cenderamata dan Sijil Penghargaan sebagai tanda penghargaan di atas sumbangan dan jasa selama berkhidmat di Universiti.

Seramai empat orang pesara UTeM telah dirai iaitu Rohana bt Abdul Ghani, Latnah binti Ninggal, Jais bin Sapuan dan Siti Noor Kiah binti Syed Abdul Malek.

Naib Canselor dalam ucapannya merakamkan ucapan terima kasih kepada pesara UTeM di atas perkhidmatan yang telah disumbangkan sepanjang tempoh perkhidmatan. Universiti amat menghargai jasa pesara-pesara dan beliau berharap agar pesara akan terus mendampingi dan memberi sumbangan kepada UTeM sama ada secara langsung atau tidak langsung walaupun telah tamat perkhidmatan.



Bahagian Kesejahteraan Personel Anjur Program Motivasi Bulanan "Kawan Biar Seribu"



27 Disember: Seramai 100 orang kakitangan UTeM telah mengikuti program motivasi bulanan bertajuk "Kawan Biar Seribu" anjuran Bahagian Kesejahteraan Personel, Pejabat Pendaftar.

Menurut Pengarah Program, Muhamad Hazrul Md Esa berkata, antara yang menarik dalam program ini ialah perkongsian input daripada penceramah yang diundang khas iaitu Mohd Azwan Rosli, Pegawai Psikologi daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Jelasnya lagi, program motivasi ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada staf tentang kemahiran mengurus dan mengekalkan perhubungan supaya sentiasa berada dalam landasan yang positif, menguruskan emosi dalam perhubungan serta membangunkan kemahiran interpersonal yang efektif seperti kemahiran komunikasi, kemahiran hubungan manusia dan pengurusan konflik interpersonal.

PROGRAM PINTAR SUNTIK SEMANGAT TRANSFORMASI WARGA FKEKK

18 Disember: Tiba giliran warga Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) terlibat dalam Program Integrasi Insan Terbilang (PINTAR) yang diadakan di Port Dickson baru-baru ini.

Naib Canselor, Y. Bhg. Prof Datuk. Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan hadir merasmikan program tersebut. Ketika berucap, beliau menyeru warga FKEKK agar menghayati semua aktiviti yang dijalankan dan mempraktikkan ilmu yang dipelajari sekembalinya bertugas di universiti nanti.

Pelbagai aktiviti interaktif telah dijalankan sepanjang tiga hari program itu berlangsung. Aktiviti wajib PINTAR iaitu berakit memberi cabaran getir pada kali ini apabila peserta terpaksa memerah keringat serta berganding bahu menempuh ombak laut Selat Melaka untuk menamatkan perlumbaan.

Turut dimuatkan semasa program berlangsung ialah kemahiran berkomunikasi dan kepimpinan, teknik berfikir secara kreatif serta pemupukan nilai-nilai kerohanian. Program yang dianjurkan oleh Unit Latihan Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM) mendapat sokongan daripada pegawai-pegawai kanan UTeM yang hadir sebagai fasilitator untuk membimbing para peserta.



Lakriah

Berita@UTeM mengucapkan takziah kepada keluarga **Allahyarham Mansor bin Ali (Pejabat Pembangunan)** yang telah kembali ke Rahmatullah pada **9 Disember 2011**. Sama-samalah kita mendoakan semoga rohnyanya dicucuri rahmat dan diletakkan di kalangan orang-orang beriman.

Al-Fatihah



MOHD FARRIZ BIN HJ MD BASAR
PENSYARAH
FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN

Mohd Farriz Basar memulakan perkhidmatan di UTeM pada bulan Jun 2005 dan ditempatkan di Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE). Berasal dari Kuala Lumpur, beliau sangat aktif dalam aktiviti mempromosikan universiti kepada penuntut di kolej-kolej matrikulasi dan politeknik seluruh negara.

Bapa kepada dua orang cahaya mata ini mempunyai minat yang mendalam terhadap sukan golf. Selain itu, Mohd Farriz juga pernah mewakili UTeM dalam acara catur di temasya sukan MTUN pada tahun 2010 dan berjaya merangkul naib johan.

Komitmen yang ditunjukkan oleh beliau dalam bidang inovasi seringkali mendapat pengiktirafan antarabangsa. Mohd Farriz telah mengharumkan nama UTeM di persada dunia dengan meraih pelbagai pingat dan anugerah antaranya pingat emas di Seoul International Invention Fair 2010 (SIIF 2010 Korea), 39th International Exhibition of Invention 2011 at Geneva, Switzerland dan pertandingan antara institusi pengajian tinggi IPTA tempatan (PECIPTA 2011) di Kuala Lumpur.

Beliau yang kini berkhidmat sebagai pensyarah di Jabatan Teknologi Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) akan terus menabur bakti serta berkongsi idea dan pengalaman dengan warga UTeM dalam usaha melahirkan graduan berkemahiran tinggi.



NURIDAWATI BINTI MUSTAFA
PENSYARAH
FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Personaliti yang kaya dengan senyuman, Nuridawati binti Mustafa menyertai UTeM pada tahun 2004 sebagai tutor sebelum bergelar pensyarah pada tahun 2006. Berasal dari Seremban, Negeri Sembilan Nuridawati merupakan antara staf yang sangat aktif melibatkan diri dalam penganjuran seminar dan persidangan antarabangsa oleh FTMK.

Selain terlibat dalam aktiviti akademik, Nuridawati juga merupakan seorang pemain badminton berbakat besar. Semangat juang yang tidak pernah luntur menjadikannya seorang pemain yang sentiasa memberi cabaran kepada pihak lawan ketika mewakili UTeM dalam kejohanan sukan MTUN dan SUKUM.

Meminati masakan ayam masak lemak cili api, Nuridawati akan menghabiskan masa lapangnya beriadah bersama keluarga dan rakan-rakan. Aktiviti kemasyarakatan turut disertainya dalam usaha meningkatkan kadar celik IT di kalangan pelajar-pelajar sekolah di negeri ini.

Sumbangan dan jasa beliau yang tidak terhingga kepada universiti dan komuniti menjadikannya penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2010.



FUN BOWL UTeM bersama MEDIA 2011 Meriah

11 Disember: Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan mengetuai cabaran Fun Bowl UTeM Bersama Media yang diadakan di Melaka International Bowling Centre (MIBC) Ayer Keroh. Pada acara tersebut, seramai 50 pengamal media di negeri serta Pegawai-pegawai universiti ini hadir memeriahkan saingan.

Ketua-ketua Biro, wartawan serta jurugambar akhbar arus perdana seperti Kumpulan NSTP, Kumpulan Utusan, The Star, BERNAMA, Sinar Harian, RTM serta Melaka Hari Ini (MHI) menyertai saingan dengan mempamerkan kemahiran tinggi dalam sukan bowling.

Zaide Yaakob dari Harian Metro mengungguli kategori lelaki manakala Nas Norziela Nasbah dari Berita Harian Varsiti muncul pemain terbaik kategori wanita. Bermain sebanyak tiga frame dengan pemain campuran UTeM dan pihak media nyata memberi keseronokan dan peluang untuk merapatkan hubungan dan berkongsi pengalaman.

Turut hadir pada acara tersebut Setiausaha Akhbar kepada Ketua Menteri, Daud Awang serta Presiden Kelab Media Massa Melaka (KEMM), Jaafar Neemat. Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi.



Majlis Malam Mesra UTeM bersama Media 2011 Hargai Sumbangan Pengamal Media

11 Disember: Meriah, gamat dan penuh warna warni. Itulah gambaran yang sesuai bagi menjelaskan suasana Majlis Malam Mesra UTeM Bersama Media 2011 yang berlangsung di Bandaraya Melaka baru-baru ini.

Majlis itu dianjurkan sebagai tanda penghargaan pihak universiti terhadap sumbangan pihak media dalam menjayakan aktiviti-aktiviti serta hebahan berita pencapaian UTeM di media cetak dan elektronik.

Menurut Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan berkata, sokongan padu yang ditunjukkan oleh pihak media telah menjadikan universiti ini semakin dikenali di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Justeru, majlis yang dianjurkan adalah sebagai tanda terima kasih yang tidak terhingga dan berharap hubungan erat UTeM dan media akan dapat diteruskan pada masa akan datang.

Teks ucapan Naib Canselor telah dibacakan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi. Hadir sama pada majlis tersebut ialah Pegawai-pegawai Kanan universiti serta Ketua-ketua Biro Media Melaka.

Selain jamuan makan malam, warga media diraikan dengan alunan muzik indah oleh orkestra UTeM, sesi cabutan bertuah dan persembahan nyanyian karaoke oleh warga media yang berbakat besar dalam seni suara.

